

02 JUL 1999

Mahathir-Permatang Pauh

MAHATHIR YAKIN UMNO AKAN KEKALKAN KERUSI PERMATANG PAUH

PULAU PINANG, 2 Julai (Bernama) -- Umno yakin akan terus mengekalkan kerusi di kawasan Parlimen Permatang Pauh pada pilihan raya akan datang walaupun tidak pasti mengenai majoritinya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya keyakinan itu berdasarkan hakikat bahawa kebanyakan penyokong bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebenarnya tidak meninggalkan Umno dan orang ramai pula kini telah beralih untuk menyokong kerajaan.

Anwar yang sedang menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan rasuah menjadi anggota Parlimen kawasan itu sejak 1982.

Semasa bercakap pada persidangan berita selepas merasmikan bangunan baru kilang Intel (M) Sdn Bhd berharga RM500 juta di sini, Dr Mahathir berkata para penyokong Anwar bukanlah seperti penyokong bekas menteri kewangan Tengku Razaleigh Hamzah pada tahun 1986 dahulu.

Para penyokong Tengku Razaleigh dahulu meninggalkan parti untuk menyokong pemimpin mereka, katanya sebagai mengulas lawatan kerjanya ke Guar Perahu, yang terletak dalam kawasan Parlimen Permatang Pauh dekat sini semalam.

Dr Mahathir berkata beliau tidak membuat apa-apa rujukan atau menyebut nama Anwar dalam ucapanannya di Guar Perahu semalam kerana merasakan orang ramai tidak lagi berminat untuk mendengarnya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata beliau masih perlu menjelaskan keadaan sebenar mengenai kes Anwar kepada anggota-anggota Umno bagi mengelakkan sebarang keraguan.

Beliau turut menjelaskan mengenai isu Anwar dalam pertemuannya semalam dengan para pemimpin Umno negeri termasuk dari bahagian Permatang Pauh.

Lawatan Perdana Menteri itu adalah lawatan pertama sejak Anwar dipecat daripada jawatannya dalam parti dan kerajaan.

Anwar menumpaskan calon PAS Mazani Abdullah dengan majoriti undi 47,743 pada pilihan raya sebelum ini.

Mengenai lawatannya ke negeri ini yang disifatkan sebagai berkempen, Perdana Menteri berkata parti-parti pembangkang telah memulakan kempen mereka dua tahun lepas dan ini adalah peluang kerajaan untuk berkempen pula.

-- BERNAMA

AA/AHH RON